

Khamis, 6 Ogos 2015

1. Baiki Kualiti perkhidmatan

Perdana menteri mahu pencapaian agenda transformasi kesejahteraan rakyat positif

PUTRAJAYA 5 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa kakitangan awam memperbaiki kualiti perkhidmatan agar agenda transformasi yang dilaksanakan untuk kesejahteraan rakyat menunjukkan pencapaian yang positif.

Beliau juga menasihatkan kakitangan awam agar tidak hilang fokus dalam melaksanakan tugas sejajar dengan objektif dasar kerajaan yang memberi tumpuan terhadap kepentingan rakyat.

"Sebenarnya inilah yang saya tuntut dalam kerajaan dan dalam pentadbiran supaya dari semasa ke semasa kita boleh memperlihatkan bukan sahaja pembaharuan tetapi peningkatan dari segi pencapaian, tindakan, pengurusan dan program-program yang dijalankan oleh kerajaan untuk rakyat.

"Inilah yang mesti kita sematkan dalam minda, dalam ingatan bahawa sepanjang masa biarlah hari esok lebih baik daripada hari ini, biarlah bulan depan lebih baik dari bulan ini," katanya semasa berucap pada majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Majlis itu dihadiri kira-kira 4,000 kakitangan awam daripada pelbagai agensi dan kementerian di seluruh negara.

Menurut Najib, beliau dan rakan-rakan dalam Kabinet yang baharu berazam serta bertekad melakukan yang terbaik dalam semangat satu pasukan bagi mencapai segala aspirasi rakyat dan dasar-dasar negara.

Beliau yakin dengan kerjasama semua pihak dalam perkhidmatan awam di bawah kepimpinan ketua setiausaha negara, pencapaian negara dalam pelbagai aspek dapat ditingkatkan.

"Marilah kita bekerjasama sebagai satu keluarga dan sebagai satu pasukan yang sentiasa saling bantu-membantu dan percaya mempercayai antara satu sama lain," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada 15 orang anak yatim dan sumbangan dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berjumlah RM15,000 kepada rumah-rumah kebajikan di seluruh Wilayah Persekutuan.

Yang turut hadir Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Tidak ketinggalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Mohd. Salleh Said Keruak dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S.Subramaniam.

Menteri-menteri di JPM, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim, Nancy Shukri, Tan Sri Joseph Kurup, Datuk Seri Azalina Othman Said, Datuk Paul Low Seng Kuan, Datuk Wee Ka Siong, Datuk Mah Siew Keong dan timbalan menteri, Datuk Razali Ibrahim turut menghadiri majlis itu.



Selasa, 8 Ogos 2015

2. Realisasikan negara berpendapatan tinggi G20 diwujudkan Januari 2016 - Najib

KUALA LUMPUR 7 Ogos - kerajaan akan menubuhkan kelab syarikat milik kerajaan (GLC) yang akan dikenali sebagai G20 pada Januari 2016 bagi merancakkan usaha merealisasikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah mewujudkan G20 juga dilihat bertepatan dengan wawasan untuk menjadikan GLC sebagai bukan sahaja juara di rantau ini, tetapi peneraju dalam industri masing-masing.

Menurutnya, G20 akan dianggotai 20 buah syarikat GLC utama di negara ini dan jika itu berlaku, permodalan pasaran kelab tersebut mencecah paras sehingga RM431 bilion, sebagaimana jumlah modal keseluruhan semua GLC pada April lalu.

"Kelab ini mempunyai peranan penting dalam menerajui semua usaha untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dengan berpandukan tiga prinsip Program Transformasi GLC," katanya semasa berucap dalam majlis Pentaulihan Program Transformasi GLC di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan ketua-ketua pegawai eksekutif GLC.

Menyentuh mengenai Program Transformasi GLC, Perdana Menteri berkata, dalam tempoh 10 tahun GLC menyumbang RM108.6 bilion dividen dan RM62.7 bilion cukai, selain menyediakan pelbagai peluang perniagaan baharu.

Jelasnya pada tahun lalu sahaja, bilangan pembekal yang menjalankan perniagaan dengan kumpulan 20 syarikat GLC adalah hampir mencecah 67,000 dengan nilai perniagaan sebanyak RM98.2 bilion.

Dalam perkembangan yang sama, Najib berkata, GLC selaku institusi penting negara perlu sentiasa seiring dengan kerajaan dalam membentuk agenda Malaysia terutama bagi menjayakan usaha untuk menjadi peserta penting di pasaran global.

Beliau yang juga Menteri Kewangan seterusnya menjelaskan, GLC perlu bergerak dan berkembang daripada syarikat yang ditadbir urus dengan baik kepada model institusi yang kukuh serta bertanggungjawab.

"Kita mesti berupaya menawarkan bukan sahaja produk dan perkhidmatan bertaraf antarabangsa tetapi GLC mesti menerima pakai dan menyesuaikan amalan terbaik untuk memastikan penjanaan nilai jangka panjang," katanya.



Isnin, 10 Ogos 2015

3. SPRM perlu diletakkan di bawah Parlimen

KUALA LUMPUR 9 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu diletakkan di bawah Parlimen bagi meningkatkan lagi imejnya terutama yang berkaitan aspek integriti dan ketelusan dalam membendung gejala rasuah.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, cadangan tersebut yang dibuat oleh Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) sebelum ini juga dapat memantapkan perkhidmatan awam dari aspek kepentasan, kecekapan dan integriti.

Katanya, agensi tersebut juga perlu menukar nama sebagai Suruhanjaya Bebas Pencegahan Rasuah Malaysia bagi meningkatkan keyakinan orang ramai.

"Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memutuskan untuk memindahkan kawal selia dan fungsi agensi itu kepada jawatankuasa khas yang diwakili ahli Parlimen daripada semua parti politik kerajaan atau pembangkang.

"Selain itu, beliau telah menuahkan satu majlis penasihat transformasi yang terdiri daripada tokoh-tokoh antarabangsa bagi mendapatkan pandangan dan input dalam usaha meningkatkan keberkesanan SPM," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Irmohizam berkata, isu pertukaran dua pegawai SPRM yang ditukarkan tugas ke Jabatan Perdana Menteri merupakan isu berkaitan dengan pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Menurut beliau, setiap pegawai kerajaan tertakluk kepada arahan dan pekeliling dalam Perintah Am yang ditentukan JPA dan ditandatangani semua pegawai kerajaan yang menerima pelantikan.

"Adalah tidak rasional untuk mengaitkan pertukaran dengan penyiasatan kerana agensi itu masih tetap meneruskan siasatan terhadap anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) iaitu SRC International Sdn. Bhd. Tiada arahan untuk menghentikan sebarang penyiasatan," ujarnya.



Isnin, 10 Ogos 2015

**4. MPPD kutip cukai RM12.6 juta
Bersamaan 96.8 peratus cukai semasa**

TELOK KEMANG 9 Ogos - Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) berjaya menepati sasaran yang ditetapkan dalam mengutip cukai semasa untuk penggal tahun ini sebanyak 96.8 peratus.

Yang Dipertua, Datuk Ab. Khalid Mat menjelaskan kutipan yang berjaya dipungut oleh pihaknya adalah sebanyak RM12.6 juta sementara bagi kutipan tunggakan adalah sebanyak RM3 juta.

Jelas beliau, berdasarkan pungutan cukai yang memberangsangkan ketika ini pihaknya yakin jumlah kutipan itu akan terus meningkat pada penggal kedua tahun ini.

"Sasaran kita juga tertumpu kepada kutipan cukai tertunggak meningkat kepada 35 peratus dengan RM19,169 berjaya dikutip," katanya di sini baru-baru ini.

Untuk itu kata Ab. Khalid, MPPD memerlukan kerjasama orang ramai agar dapat melunaskan tanggungjawab mereka untuk membayar cukai tanpa menunggu notis yang dikeluarkan oleh pihaknya.

Jelas beliau, MPPD kini dalam proses akhir untuk menghantar notis pembayaran cukai bagi penggal kedua kepada pemilik sama ada di rumah maupun di pejabat.

"Orang ramai boleh melakukan pembayaran sama ada di kaunter MPPD, pejabat pos, bank-bank yang terpilih atau pejabat daerah," ujar beliau.

Tambahnya pihak juga telah mencari jalan secara proaktif bagi membolehkan semua pemilik harta dapat melunaskan cukai harta yang tertunggak dan beliau percaya usaha berkenaan dapat dilakukan secara berperingkat.

Ab. Khalid menerangkan hasil dari cukai itu membolehkan pihaknya dapat memberi dan menyediakan pelbagai kemudahan prasarana dalam membangunkan kawasan Port Dickson sebagai pantai peranginan negara.

Selasa, 11 Ogos 2015

5. Hospital Daerah Rembau siap 2018

Kelewatan projek disebabkan masalah reka bentuk

REMBAU 11 Ogos - Pembinaan Hospital Daerah Rembau bukan projek terbengkalai tetapi kelewatan disebabkan masalah reka bentuk yang dahulunya menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri (IBS), iaitu jika diteruskan akan mendatangkan masalah pada bebanan bangunan.

Menteri Besar, Datuk Seri Moha-mad Hasan berkata, projek hospital yang kos asal pembinaannya sebanyak RM99 juta dengan disediakan 76 katil itu yang kini dibawah projek khas oleh Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Kesihatan telah menimbulkan semula reka bentuknya.

"Juruperunding asal telah dike- tepikan disebabkan masalah dalam lukisan reka bentuk, di mana banyak lukisan yang dipaparkan itu terpaksa distruktur semula supaya kaedah binaan baharu diguna pakai agar bebanan dapat ditampung dalam binaan waktu ini," katanya.

Mohamad bercakap kepada pemberita selepas melawat tapak pembinaan Hospital Daerah Rembau di sini hari ini.

Katanya, projek ini sentiasa berada dalam pengetahuan kerajaan dan atas faktor keselamatan, JKR dan Kementerian Kesihatan telah memutuskan untuk menggunakan juruperunding baharu dan mengetepikan yang lama bagi memastikan reka bentuk bangunan itu selamat apabila siap kelak.

"Benar projek ini terkebelakang daripada pelan asal. Biar saya be-ritahu di sini, jika tidak ada masalah sekali pun dalam aspek reka bentuknya, projek sebenar hospital itu akan siap pada September 2016.

"Oleh kerana kita perlu menstruktur semula reka bentuk bangunan asal, maka projek itu mengalami kelewatan selama 400 hari. Oleh itu, kita telah membuat jangkaan masa siap yang baharu iaitu pada awal 2018," tegasnya.

Katanya, dengan penerangan yang diberikan itu serta komitmen semua pihak termasuklah kontraktor, tidak ada lagi pihak berkepen-tungan yang cuba menyatakan ko-nonnya projek itu terbengkalai.

"Jangan jadikan projek Hospital Daerah Rembau itu sebagai 'kam-bing hitam' untuk menuding jari kepada Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya atau JKR dan Menteri Besar.

"Projek ini berada dalam dua fasa iaitu yang pertama adalah projek meratakan tanah dan fasa ke-dua ialah pembinaan bangunannya. Kini kerja meratakan tanah sudah selesai dan sekarang adalah projek pembinaannya," tegasnya.

Mohamad juga memberitahu, walaupun kos asalnya adalah RM99 juta, tetapi disebabkan berlakunya Pengeluaran Arahan Perubahan/Pertambahan Kerja (VO) yang bukan di atas kesilapan kontraktor sebaliknya kesilapan lukisan reka bentuk, itu akan diuruskan oleh kontraktor maka hal itu perlu diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian Kerja Raya melalui JKR.

"Bagaimanapun, saya minta kontraktor jangan fikirkan soal VO dan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (EOT). Buat kerja dahulu dan selepas itu, diharap Kementerian Kerja Raya melalui JKR berikanlah pertimbangan sewajar-nya terhadap masalah yang dihadapi kontraktor ini," ujarnya.

Hospital itu dibina di atas tanah seluas 19.4 hektar di Chembong dekat Rembau dan dilengkapi dengan 76 katil serta kemudahan ra-watan lain setaraf hospital daerah, di mana apabila siap kelak akan menjadikan Negeri Sembilan negeri yang mempunyai hospital di setiap daerah.



Jumaat, 14 Ogos 2015

6. KPDNKK digesa pantau hospital swasta kenakan caj tinggi

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) digesa memantau beberapa hospital swasta yang dikatakan mengambil kesempatan mengenakan caj perkhidmatan yang tinggi kepada pesakit susulan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), 1 April lepas.

Ini berikutan aduan daripada pengguna yang diterima badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

Timbalan Presiden FOMCA, Mohd Yusof Abdul Rahman ketika dihubungi Bernama memberitahu lebih 10 aduan diterima pihaknya berhubung isu itu.

Menurutnya, mereka yang berpendapatan pertengahan antara RM2,300 hingga RM7,000 sebulan ialah golongan paling terkesan kerana mereka lebih cenderung mendapatkan rawatan di hospital swasta yang menjanjikan perkhidmatan selesa dan pantas.

GST yang diperkenalkan pada kadar enam peratus itu menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dikenakan sehingga 16 peratus sebelum ini. - BERNAMA

Isnin, 17 Ogos 2015

7. 1MDB usaha laksana pelan rasionalisasi

KUALA LUMPUR 16 Ogos - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) berkata syarikat akan terus menggandakan usaha dengan pelan rasionalisasinya untuk menstabilkan syarikat.

1MDB berkata ia akan mengambil langkah untuk memenuhi obligasi hutang dan melaksanakan projek terasnya iaitu Tun Razak Exchange (TRX), Bandar Malaysia dan Edra Energy Bhd.

Dalam satu kenyataan hari ini, 1MDB berkata syarikat itu tidak akan terganggu oleh cabaran provokatif anggota Parlimen Tony Pua untuk berdialog secara terbuka kerana ia bukan forum yang sesuai untuk menegakkan kebenaran.

Syarikat itu berkata jelas Tony Pua cuba menjelaskan pelbagai siasatan yang sedang dijalankan ke atas 1MDB melalui cabaran itu.

"1MDB mengakui bahawa Pua membangkitkan soalan yang sah. Kami memberi jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa pihak berkuasa yang sah menyiasat 1MDB telah bertanya soalan yang sama, dan banyak lagi.

"Demi ketulusan, keadilan dan proses yang sewajarnya, Arul Kanda telah secara terbuka menyatakan bahawa 'bagi saya, apa yang penting ialah siasatan mesti diteruskan, kebenaran dan fakta-fakta perlu didedahkan kepada umum oleh penyiasat bebas," kata 1MDB. - BERNAMA

Rabu, 19 Ogos 2015

8. Lebih 2,000 lelaki Malaysia hidap kanser paru-paru setiap tahun - Dr. Hilmi

SERDANG 19 Ogos - Lebih 2,000 lelaki di Malaysia disahkan menghidap kanser paru-paru setiap tahun, menjadikan penyakit itu sebagai 'musuh' utama kaum lelaki di negara ini, kata Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya.

Beliau berkata, selepas kanser paru-paru, dua lagi penyakit barah yang sering menyerang kaum lelaki adalah kanser usus serta kanser hidung dan tekak.

"Bagi wanita pula, kanser nombor satu ialah kanser payu dara diikuti kanser pangkal rahim dan kanser paru-paru," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan Persatuan Bronkologi dan Intervensi Pulmonologi Malaysia (MABIP) di Hospital Serdang di sini, hari ini.

Dr. Hilmi berkata, kebimbangan terhadap risiko jangkitan paru-paru tidak boleh lagi dikaitkan dengan gaya hidup termasuk tabiat merokok semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh keadaan persekitaran.

Sementara itu, Pengurus MABIP Dr. Jamalul Azizi Abdul Rahaman berkata, pesakit paru-paru termasuk mereka yang menghidap asma akut tidak lagi perlu mendapatkan rawatan di luar negara, sebaliknya prosedur berkenaan boleh dilakukan di Malaysia.

Beliau berkata, rawatan penyakit itu kini disediakan di Hospital Serdang dan potensi sembuh bagi setiap pesakit adalah pada tahap 80 peratus.

Menerusi penggunaan teknologi terkini, setiap prosedur yang dijalankan oleh pakar perubatan paru-paru dapat mengurangkan risiko serta komplikasi kepada pesakit kerana tidak melibatkan pembedahan besar, katanya.

Mengenai kos rawatan, Dr. Jamalul Azizi yang juga pakar perunding respiratori Hospital Serdang berkata bayaran prosedur itu adalah kira-kira RM27,000.

"Setiap pesakit perlu membeli tiga tiub khas untuk prosedur termoplasti iaitu 'heat treatment' dengan setiap tiub berharga RM9,000. Walaupun agak mahal, tetapi ia kos efektif," katanya.

Menurutnya sejak MABIP didaftarkan pada 2013 dan berpusat di Hospital Serdang, pihaknya telah merawat 11 pesakit dan kesemuanya dilapor telah sembuh.- BERNAMA



Sabtu, 22 Ogos 2015

9. Najib umum PPPAN: Khusus selenggara PPR seluruh negara, rancang pembangunan semula

PUTRAJAYA 21 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (PPPAN) khusus untuk menyelenggara Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang kini berjumlah lebih 100,000 unit di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, penubuhan itu berkuat kuasa serta-merta bagi mengantikan fungsi pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menghadapi kekangan kewangan untuk menyelenggara serta menguruskan PPR berkenaan

Najib berkata, penubuhan agensi itu juga akan memudahkan pembangunan semula dilaksanakan di kawasan PPR pada masa akan datang sekiranya wujud keperluan tersebut.

"Apabila diletakkan di bawah PPPAN, maka kita yakin bahawa projek-projek PPR dapat dikendalikan dengan lebih baik dan sempurna termasuk penambahbaikan yang boleh dilakukan dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menyaksikan pertukaran dokumen antara Maybank dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Perjanjian itu membabitkan kemudahan pinjaman penyambung berjumlah RM3 bilion untuk membiayai sebahagian daripada kos pembangunan projek kediaman dan komersial di bawah program PR1MA Homes.

Terdahulu, beliau mempengerusikan mesyuarat Majlis Perumahan Negara di bangunan yang sama.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, mesyuarat bersetuju supaya mekanisme pelepasan rumah kuota bumiputera di pasaran ditambahkan tempohnya selama tiga bulan lagi menjadi sembilan bulan.

"Jika masih tiada pembeli dalam tempoh tiga bulan terakhir, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan cuba dapatkan pembeli bumiputera," katanya lagi.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, PPPAN akan menguruskan soal pembinaan rumah kos rendah dan sederhana termasuk PPR yang sebelum ini dikendalikan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN).

"Inisiatif tersebut akan membolehkan JPN memberi fokus sepenuhnya sebagai badan yang menguatkuaskan undang-undang dan peraturan," katanya.

Ahad, 23 Ogos 2015

10. Penjawat awam jangan cemar imej perkhidmatan

KLUANG 23 Ogos - Penjawat awam diingatkan supaya mengelak daripada melakukan perbuatan yang boleh mencemarkan imej perkhidmatan termasuk membocorkan dokumen rahsia kerajaan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, sebarang perbuatan yang bertentangan dengan Perintah Am dan peraturan lain ditetapkan hanya akan menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan rakyat terhadap kerajaan.

Menurutnya, tugas sebagai penjawat awam adalah tanggungjawab yang amat berat untuk dipikul kerana sebarang tindakan berlawanan juga mampu menjadikan ketenteraman dan keselamatan negara.

"Saya ingin mengingatkan semua tentang ikrar dan aku janji kita kepada kerajaan sebelum ini kerana di bahu kita terletaknya harapan rakyat dan pemimpin negara.

"Jangan sesekali kita lupa dan ingkar amanah ini, sebaliknya berikan tumpuan dan komitmen dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam selaras dengan Agenda Transformasi Nasional," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Penjawat Awam negeri ini, di sini hari ini.

Ali berkata, maklumat dan dokumen rahsia kerajaan yang banyak tersebar sejak kebelakangan ini dalam media sosial tidak sepatutnya berlaku kerana melibatkan hal-hal yang masih dalam pertimbangan kerajaan dan bukan untuk tatapan umum.

"Perkara ini amat serius, kerajaan akan ambil tindakan tegas terhadap penjawat awam yang didapati membocorkan rahsia kerajaan serta memalsukan dokumen dan menyebarkan maklumat sulit yang boleh mengancam keselamatan negara," katanya.

Beliau berkata, sebagai orang yang aktif dalam penggunaan media sosial, penjawat awam sebaliknya perlu membantu agensi atau jabatan masing-masing menghebahkan aktiviti dan maklum balas terhadap isu-isu yang berkaitan.

"Namun, dalam kita aktif menggunakan laman sosial, kita harus sedar bahawa terdapat banyak penipuan yang disebarluaskan. Justeru, bertanggungjawablah dalam apa yang disebarluaskan," katanya sambil menasihatkan 1.6 juta penjawat awam supaya tidak menyertai perhimpunan jalanan Bersih 4.0 yang dirancang pada 29 Ogos ini.

Isnin, 24 Ogos 2015

11. SPRM nafi siasatan isu RM2.6b ditutup

PUTRAJAYA 23 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menafikan Ketua Pesuruhjayaannya, Tan Sri Abu Kassim Mohamed pernah mengeluarkan kenyataan bahawa siasatan berkenaan isu dana RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah ditutup.

SPRM dalam kenyataannya berkata, sebelum ini pihaknya dalam kenyataan bertarikh 3 dan 5 Ogos lalu hanya menyatakan dana RM2.6 bilion itu adalah sumbangan daripada penderma yang berasal dari Asia Barat dan bukannya dana daripada 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

"SPRM ingin menekankan bahawa siasatan berkenaan kes SRC International Sdn. Bhd. dan dana RM2.6 bilion itu masih berjalan ketika ini," jelas kenyataan itu di sini hari ini.

Sehubungan itu, SPRM berharap tidak ada mana-mana pihak mengeluarkan kenyataan yang boleh mengelirukan orang ramai dan membina persepsi negatif terhadap suruhanjaya berkenaan.

Khamis, 27 Ogos 2015

12. JKE tangani kemelut ekonomi – Najib

Berfungsi untuk bertindak segera menimbang perancang

PUTRAJAYA 26 Ogos - Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) yang ditubuhkan kerajaan akan bertindak segera menimbang segala perancangan bersifat serta-merta dan sederhana sehingga kemelut ekonomi yang dihadapi ketika ini reda dan stabil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, antara isu semasa yang akan ditangani oleh jawatankuasa itu termasuklah nilai ringgit, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan serta mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal.

"Penubuhan JKE mengambil kira keadaan semasa dalam menangani dan mengurangkan sebarang impak global ke atas ekonomi sebenar negara. Keputusan untuk mewujudkan JKE adalah berdasarkan keperluan kerajaan membangun dan melaksanakan strategi serta merta dan pelan tindakan bagi memastikan Malaysia terus dalam pertumbuhan," katanya.

Ketika mengumumkan struktur dan fungsi JKE, pada sidang akhbar di sini hari ini, Najib mengumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar sebagai Pengurus JKE.

Semalam, Najib yang juga Menteri Kewangan mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa khas ekonomi dengan matlamat mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara dalam menghadapi situasi ekonomi global tidak menentu.

Najib menjelaskan, JKE akan melaporkan terus kepada beliau manakala tempoh penubuhannya bersifat terhad iaitu sehingga kemelut ekonomi yang dihadapi ketika ini reda dan stabil.

"Jawatankuasa khas ini akan mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada awal minggu depan. Selain Abdul Wahid, JKE juga dianggotai oleh ahli ekonomi, tokoh korporat serta beberapa ahli ex officio yang terdiri daripada pegawai tertinggi antaranya termasuk daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti.

"Pelantikan mereka sebagai anggota JKE telah diberitahu. Mereka akan bermesyuarat berbincang bagi menangani isu-isu dasar, menyelesaikan urusan operasi selain membantu menyelesaikan masalah yang menjadi penghalang kepada pertumbuhan ekonomi," ujarnya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, JKE akan bermesyuarat setiap minggu atau lebih kerap jika perlu untuk menimbang dan mencadangkan langkah-langkah segera bagi memastikan Malaysia terus dalam pertumbuhannya.

"Kita juga boleh menjemput sesiapa yang difikirkan patut untuk membuat pembentangan dalam mesyuarat JKE. Jadi sekiranya ada ahli ekonomi daripada mana-mana organisasi yang mempunyai cadangan yang berasas, boleh dijemput untuk berbuat demikian.

"Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan yang dibentangkan oleh ahli-ahli ekonomi berkenaan sesuai digunakan maka cadangan tersebut akan dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan," kata.

Beliau berkata, JKE akan diuruskan oleh sekretariat di Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Timbalan Ketua Pengarahnya, Datuk K. Yogeesvaran dilantik sebagai Ketua Sekretariat.

Dalam pada itu, Najib turut memaklumkan bahawa Majlis Ekonomi sedia ada yang dipengerusikan oleh beliau sendiri akan terus berfungsi.

Katanya, Majlis Ekonomi memberi tumpuan kepada isu ekonomi yang menyeluruh antaranya merumuskan strategi mengekalkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan langsung asing dan domestik, mengenal pasti cara mengawal inflasi dan merangka strategi bagi memastikan bekalan mencukupi.

"(Dan) Merangka jaringan keselamatan sosial yang komprehensif untuk melindungi kumpulan berpendapatan sederhana dan rendah," katanya.